

20 MAY 1996

UBAH SIKAP DISKRIMINASI PESAKIT AIDS DAN KELUARGA MEREKA

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Masyarakat perlu mengubah segera sikap mendiskriminasi terhadap penghidap AIDS/HIV dan keluarga mereka dengan mendalami pengetahuan mengenai penyakit itu, kata Presiden Majlis Aids Malaysia Marina Mahathir.

Menurutnya, dengan perbuatan diskriminasi, pesakit dan keluarga mereka mengalami penderitaan dari segi sosial dan ekonomi selain penderitaan fizikal.

"Mereka mengalami penghinaan dan penyisihan daripada masyarakat walaupun mereka tidak mengancam sesiapa," katanya ketika berucap merasmikan Minggu Memperingati AIDS Sedunia anjuran Majlis AIDS Malaysia dan Yayasan Aids Malaysia di Pasar Budaya, di sini.

Marina berkata, sikap mendiskriminasi di kalangan masyarakat itu disebabkan oleh kurang pengetahuan mengenai AIDS/HIV.

Antara program sempena minggu berkenaan yang bertemakan "Pendiskriminasian AIDS, Suatu Wabak Sejagat ... Bersama kita mengatasinya" ialah pameran, forum umum dan kuiz yang diadakan di Pasar Budaya bermula hari ini hingga 25 Mei.

Selain itu, drama monolog bertajuk "Talking Aids" di teater Actor's Studio, Plaza Putra pada 23 hingga 28 Mei dan acara kemuncak minggu berkenaan iaitu Malam Memperingati Aids pada 26 Mei di Dataran Merdeka yang akan dihadiri Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

-- BERNAMA

RAZ AHH